

29 JUN 2003

Khalil-Perhubungan

UMNO TUBUH LEBIH BANYAK PEJABAT PERHUBUNGAN LUAR NEGARA

JAKARTA, 29 Jun (Bernama) -- Umno akan menubuhkan lebih banyak pejabat perhubungan bagi kelab-kelab Umno di luar negara untuk meningkatkan keberkesanan hubungan mereka dengan ibu pejabat di Kuala Lumpur, kata Setiausaha Agungnya, Tan Sri Khalil Yaakob di sini.

Khalil yang juga Menteri Penerangan berkata pejabat perhubungan baru yang dicadangkan ialah di Indonesia, yang mempunyai banyak kelab Umno.

"Saya akan kemukakan cadangan ini ke Majlis Tertinggi kerana di Indonesia ini kita mempunyai 15 kelab Umno di kalangan lebih 1,200 mahasiswa yang belajar di pelbagai universiti dan sudah seharusnya mempunyai satu pejabat perhubungan," katanya di majlis makan malam di Dewan Serbaguna, Kedutaan Malaysia di sini, bersama 30 mahasiswa dan anggota Kelab Umno di Jakarta, semalam.

Yang turut hadir di majlis itu ialah isteri beliau, Puan Sri Zurina Kassim dan Duta Besar Malaysia di Indonesia, Datuk Hamidon Ali.

Khalil berkata kajian perlu dibuat untuk memilih lokasi pejabat perhubungan itu di Indonesia dan ia harus didasarkan kepada banyaknya jumlah keanggotaan Kelab Umno di kawasan itu.

Umno telah menubuhkan pejabat perhubungan di luar negara yang pertama di London tahun ini bagi kepentingan beberapa Kelab Umno di United Kingdom, dengan fungsi serupa dengan pejabat Umno di negeri-negeri.

Beliau berkata kini sudah semakin banyak pelajar yang menyertai Umno dan ini satu perkembangan yang amat menggalakkan sekali kerana meningkatnya kesedaran tentang pengiktirafan dan peranan Umno dalam pembangunan negara di kalangan generasi muda.

Katanya, mereka harus menyedari bahawa tidak ada pilihan lain selain Umno dalam membawa masa depan negara ke arah yang lebih cemerlang.

Beliau berkata Malaysia sedang dalam proses transisi politik berikutan pengunduran Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri, Oktober ini.

Namun, ini tidak bermakna bahawa prinsip negara akan berubah kerana pemimpin baru Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawai, yang mengambil alih akan meneruskan garis perjuangan yang telah ditetapkan.

Proses transisi kepimpinan yang lancar di Malaysia selama ini ini harus disyukuri kerana tidak menimbulkan huru-hara politik seperti di kebanyakan negara lain, katanya.

Tidak ada negara lain di mana pemimpin yang mengundurkan diri menamakan penggantinya dan terus dipersetujui oleh seluruh anggota parti seperti yang dilakukan oleh Umno, katanya.

Khalil yang tiba di sini Rabu lalu untuk mengetuai lebih 50 orang pegawai kanan jabatan dan agensi di bawahnya, dan para pengusaha filem, drama dan pengiklanan, sedang dalam lawatan seminggu ke Indonesia.

Lawatan itu ialah bagi mempereratkan semula hubungan dan meninjau kerjasama lebih luas di kalangan industri filem, drama dan pengiklanan di antara kedua-dua negara.

Khalil berkata selain meningkatkan kerjasama di kalangan jabatan penerangan, kementerian juga ingin melihat hubungan yang lebih luas antara agensi berita nasional Malaysia, Bernama dengan rakannya di Indonesia iaitu Antara.

"Bernama mempunyai program yang besar termasuk membuka lebih banyak pejabat di luar negara terutama di ibu kota besar yang giat pertukaran beritanya," katanya.

Beliau berkata oleh kerana Indonesia merupakan jiran yang paling dekat dan penting dengan banyak persamaan, maka kerjasama ini harus diberi keutamaan berbanding dengan negara-negara lain.

-- BERNAMA
OPP MFJ MOZ